# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 25 APRIL 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MOVE TO ENSURE READY SUPPLY OF RED ONIONS, NATIONAL, THE SUN -4 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 2. | 519.36 TAN BERAS PUTIH DIAGIHKAN, LOKAL, HM -17 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 3. | MULA OPERASI HUJUNG TAHUN, LOKAL, HM -18 | LAIN-LAIN |
| 4. | 5,000 KAMPIT BERAS HABIS SEJAM, DALAM NEGERI, UM -36 | |
| 5. | LALUAN CETEK SUKARKAN NELAYAN TURUN KE LAUT, DALAM NEGERI, UM -36 | |
| 6. | KEMARAU, MUSIM PANAS TIDAK JEJAS IKAN SANGKAR, DALAM NEGERI, UM -36 | |
| 7. | 30 NELAYAN SUKAR CARI REZEKI, LALUAN BOT KE LAUT BERBATU, NEGARA, KOSMO -16 | |
| 8. | SIASAT PIHAK BUANG BERAS DI TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH, TIMUR, HARAKAH -14 | |
| 9. | KILANG PADI BARU BEROPERASI TAHUN INI, TIMUR, HARAKAH -14 | |
| 10. | 186 PEKEBUN CEROBOH TANAH KERAJAAN, KUANTAN, SH -24 | |
| 11. | OVER 50,000 BAGS OF RICE DISTRIBUTED NATIONWIDE, NATIONAL, THE SUN -4 | |
| 12. | CHALLENGES FACED IN CURBING ILLEGAL FISHING, FEATURE, THE STAR -10 | |
| 13. | TEACHING AQUACULTURE SKILLS TO B40, FEATURE, THE STAR -10 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2024 | THE SUN | NATIONAL | 4 |

# Move to ensure ready supply of red onions

**KUALA LUMPUR:** The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) plays a proactive role in ensuring local red onions can be easily obtained by consumers through the agency's marketing outlets nationwide.

Its director-general Abdul Rashid Bahri said for that purpose, an intervention programme focusing on the marketing of local red onions cultivated in areas determined by the Agriculture and Food Security Ministry will involve its 40 operation centres implemented through various programmes, including Agro Madani Sales, the ministry's marketing outlets and agrobazaar online portal.

"At this initial stage, Fama has targeted local red onion sales through the Madani Combo promotion in conjunction with the Madani Agro Sales programme, which will be held in 5,000 locations nationwide," he said in a statement.

In addition, he said about 416 Fama marketing outlets will ensure the supply of the commodity is accessible and expects the commodity to increase at the end of this year, in line with the increase in local onion being cultivated nationwide. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/4/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# 519.36 tan beras putih diagihkan

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 519.36 tan metrik atau 51,936 kampit beras putih tempatan (BPT) diagihkan setakat kelmarin menerusi Program Khas Beras Putih Tempatan sebagai langkah jangka pendek mengawal isu kekurangan bekalan beras dalam pasaran.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam kenyataan memaklumkan pengedaran BPT LPP dilaksanakan melalui pembabitan bersama Pertubuhan Peladang Negeri dan Pertubuhan Peladang Kawasan yang berpotensi di seluruh negara.

"Pengagihan itu membabitkan 103 Pertubuhan Peladang (PP) melalui outlet pemasaran PP seperti Peladang Outlet, Agrobazar PP dan Kedai Peladang.

"Pada 2023, 2,101 tan metrik (210,100 kampit) BPT diedarkan dengan nilai kos belian RM5,357,550," menurut kenyataan itu.

LPP turut memaklumkan 34 program Jualan Agro Madani (Jam) dilaksanakan setakat kelmarin dengan nilai jualan RM1,094,242 membabitkan penjimatan RM136,741 dan turut menyasarkan 78 program jualan itu dilaksanakan tahun ini.

Pada 2023, 114 program Jam dilaksanakan dengan nilai jualan RM2,150,000 dan penjimatan RM470,000 membabitkan 954 usahawan dengan anggaran 250,000 pengunjung -Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |



JALALUDDIN (kanan) ketika mengadakan lawatan kerja ke Wei Gang Dairy Farm di Nanjing, China.

# Mula operasi hujung tahun

## *Kerajaan negeri, F&N kenal pasti rakan strategik urus ladang tenusu bersepadu dekat Felda Jelai*

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap
am@hmetro.com.my

**Jelebu**

Negeri Sembilan bakal menjadi pengeluar susu segar terbesar negara apabila Ladang Tenusu Bersepadu F&N berhampiran Felda Jelai, Gemas dijangka beroperasi hujung tahun ini.

Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, ketika ini kerajaan negeri dan Fraser & Neave Holdings Bhd melalui anak syarikatnya, F&N AgriValley Sdn Bhd sudah mengenal pasti rakan strategik yang mempunyai pengalaman luas dalam ternakan lembu tenusu bagi memulakan kerja penternakan di ladang seluas 2,726 ekar.

Katanya, bagi fasa pertama yang dijangka bermula hujung tahun ini, syarikat berkenaan akan membawa masuk antara 2,300 hingga 2,500 lembu tenusu.

*Kita mahu dapatkan pengetahuan lebih jelas bagaimana pengurusan ladang, penghasilan susu dan pengurusan 'lembu pencen' dijalankan di ladang itu"*

*Jalaluddin*

"Bagi melihat sendiri bagaimana syarikat itu menguruskan ladang ternakan mereka, saya bersama agensi seperti Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Invest Negeri Sembilan dan wakil syarikat F&N AgriValley mengadakan lawatan ke ladang Wei Gang Dairy Farm di Nanjing, China.

"Kita mahu dapatkan pengetahuan lebih jelas bagaimana pengurusan ladang, penghasilan susu dan pengurusan 'lembu pencen' dijalankan di ladang itu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Jalaluddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri berkata, ladang tenusu di Gemas itu bakal memberi manfaat termasuk membekal susu segar ke seluruh negara.

Katanya, peningkatan taraf ekonomi kepada penduduk serta pengusaha industri hiliran termasuk bekalan daging segar antara manfaat yang bakal diterima sebaik sahaja ladang tenusu berkenaan beroperasi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2024 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# 30 nelayan sukar cari rezeki, laluan bot ke laut berbatu



**AZMAN menunjukkan laluan keluar dan masuk nelayan di Pengkalan Jeti Nelayan Sungai Boh, Pontian semalam.** – MUHAMMAD ZIKRI

**PONTIAN** – Kira-kira 30 nelayan di Pengkalan Nelayan Jeti Sungai Boh, di sini gelisah kerana tidak dapat turun ke laut seperti biasa disebabkan bahagian bawah jambatan ke kawasan Perindustrian Tanjung Bin dipenuhi batu ketika air cetek.

Nelayan pantai di situ mendakwa, mereka terpaksa mendayung ketika melalui bawah jambatan tersebut dan ini menyebabkan mengalami kelewatan untuk melakukan tugas seharian.

Seorang nelayan, Azman Awang, 58, berkata, masalah tersebut bermula selepas jambatan yang dibina menyeberangi Sungai Boh siap dua tahun lalu yang menuju ke kawasan Perindustrian Tanjung Bin, di sini.

Katanya, walaupun para nelayan terpaksa menerima hakikat bahawa pembangunan yang berlaku di kawasan tersebut dapat menjana ekonomi negara, namun nelayan sukar untuk mencari pendapatan.

Menurutnya, selain Jambatan Sungai Boh, situasi sama juga berlaku di bawah jambatan Sungai Chengkeh, di mana nelayan terpaksa menolak bot mereka untuk menyeberangi sungai.

"Apa yang kami hendak, pemaju sungai melakukan kerja-kerja mendalamkan sungai di bawah kedua-dua jambatan tersebut bagi membolehkan nelayan mengendalikan bot mereka tanpa sebarang halangan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi nelayan, Azmi Rahmat, 50, berkata, masalah seperti itu tidak berlaku sekiranya pemaju projek berbincang dengan nelayan serta mendengar masalah yang akan berlaku selepas pembinaan jambatan itu.

Katanya, Jambatan Sungai Boh dan Sungai Chengkeh itu merupakan laluan penting bagi kenderaan besar untuk ke kawasan Perindustrian Tanjung Bin bagi membawa pelbagai barangan dan sebagainya.

Namun ujar Azmi, pemaju gagal untuk memahami harapan dan keperluan nelayan pantai yang bergantung kepada pendapatan mencedok udang dan menjaring ikan sejak lebih 40 tahun lalu.

"Kami merelakan pembangunan yang melibatkan kehidupan nelayan tradisional seperti di Kampung Sungai Boh, Sungai Chengkeh, Sungai Dinar dan Sungai Sam, namun masa depan kami juga perlu diberikan perhatian juga," tambahnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2024 | HARAKAH | TIMUR | 14 |

# Siasat pihak buang beras di tempat pembuangan sampah

**KOTA BHARU:** Penemuan longgokan beras di tempat pembuangan sampah di Rumpun Makmur, Kuala Krau Pahang baru-baru ini sesuatu yang tidak boleh diterima rakyat.

Pakar Penasihat Jawatankuasa Majlis Keluarga, Wanita dan Kebajikan Kelantan berkata, Dr Zulkeflee Yaacob berkata, pembuangan beras dalam kuantiti begitu banyak tidak boleh diterima ketika rakyat sukar mendapat beras tempatan.

Katanya perbuatan tidak bertanggungjawab itu tidak sepatutnya berlaku ketika harga beras masih tinggi di pasaran.

"Biar apa pun alasan diberi pihak yang membuang beras tersebut ia sukar diterima kerana harga makanan ruji rakyat negara ini masih tinggi di pasaran.

"Lebih-lebih lagi beras tempatan sukar ditemui di pasaran sehingga ada pihak mengsyor diganti dengan ubi kayu," katanya di sini.



Banyak kampit beras ditemui di tempat pembuangan sampah.

Baru-baru ini viral longgokan beras ditemui di tempat pembuangan sampah yang merupakan stok simpanan disediakan seorang bekas Ahli Parlimen.

Menurut laporan media beras tersebut disediakan sebelum tempoh Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) pada 2022.

Manakala Kawalselia Padi dan Beras mengesahkan longgokan beras yang dibuang di kawasan pembuangan sampah dekat Temerloh, sudah rosak dan tidak selamat untuk dimakan.

Dr Zulkeflee juga seorang pensyarah berkata, beras yang disimpan seorang bekas pemimpin dalam tempoh begitu lama tanpa diagih kepada rakyat tidak sepatutnya berlaku.

"Lebih parah lagi apabila ada pihak mengambil tindakan membakar beras tersebut untuk memadam bahan bukti pembaziran berlaku," ujarnya.

# Kilang padi baru beroperasi tahun ini

**KOTA BHARU:** Bagi memastikan usaha Kelantan untuk mengeluarkan jenama Beras Agro Darul Naim menjadi kenyataan, sebuah kilang padi dibina di Meranti, Pasir Mas.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kilang padi itu dibina melalui kerjasama sebuah agensi kerajaan negeri dengan pelabur.

Katanya ia dijangka akan beroperasi tahun ini untuk memenuhi permintaan pengguna di Kelantan.

"Kilang tersebut dalam proses pembinaan di Meranti dan dijangka dapat beroperasi tahun ini. Kita berharap, apabila kilang siap padi yang dituai boleh diproses di kilang terbabit," katanya di sini.

Menurutnya juga kerajaan negeri menyediakan peruntukan khas bagi membangunkan kilang padi tersebut.



**Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail**

Kata beliau juga kerajaan Kelantan mengambil beberapa langkah bagi menghadapi cabaran dalam isu keterjaminan makanan termasuk menubuh Jawatankuasa Induk Sekuriti Makanan Negeri Kelantan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/4/2024 | SINAR HARIAN | KUANTAN | 24 |

# 186 pekebun ceroboh tanah kerajaan

## Mahkamah Tinggi tolak permohonan pekebun durian musang king di Raub

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Mahkamah Tinggi Kuantan menolak permohonan 186 pekebun durian musang king di Raub untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman bagi notis pengosongan tanah yang dikeluarkan kerajaan Pahang terhadap mereka sebelum ini.

Selain itu, mahkamah turut menolak semakan kehakiman terhadap keputusan kerajaan Pahang yang didakwa memberikan pajakan dan hak penggunaan tanah kebun tersebut kepada syarikat Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd.

Hakim Datuk Mohd Radzi Harun memutuskan perkara itu dalam prosiding yang berlangsung pada Rabu.

Beliau dalam penghakiman berkata, mahkamah mendapati pekebun yang terlibat disifatkan sebagai penceroboh di tanah berkenaan.

Katanya, sebagai pihak yang menceroboh, mereka tidak mempunyai locus standi (hak di sisi undang-undang) untuk memfailkan permohonan semakan kehakiman itu.

"Berdasarkan pertimbangan, saya dapati keputusan pentadbiran tanah daerah Raub dan keputusan Pengarah Perhutanan Pahang mengeluarkan notis pengusiran ke atas tanah milik responden adalah tidak tercemar dengan sebarang kecacatan undang-undang, ketidakrasionalan atau niat jahat.

"Sebaliknya, keputusan itu sepenuhnya mematuhi keperluan undang-undang yang berkenaan. Justeru, saya menolak semua perintah yang dimohon oleh plaintif dalam kedua-dua permohonan semakan mereka dengan kos," katanya ketika membaca alasan penghakiman dalam prosiding itu.

Responden diwakili Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri, Datuk Saiful Edris Zainuddin, Dorah Abdul Kadir, Abdul Hafiz Razat, Fatin Nur Syahirah, Tan Sri Cecil Abraham, Noor Muzalifah Shabudin, Mohd Irwan Ismail dan Yap Jing Wen.

Peguam yang mewakili plaintif ialah Siew Choon Jern, Chen Chiu Hua dan Lim Pit Feng.

Mahkamah juga memutuskan supaya plaintif menjelaskan kos RM600,000 kepada kepada kesemua responden.




Badan bukan kerajaan hadir ke mahkamah bagi mengikuti perkembangan keputusan mahkamah berkaitan permohonan pekebun durian musang king Raub di hadapan Kompleks Mahkamah Kuantan pada Rabu.

Sementara itu, Saiful Edris berkata, dalam prosiding itu, mahkamah memaklumkan plaintif tidak mempunyai hak dari segi undang-undang untuk berada di tanah berkenaan.

Jelasnya, mahkamah juga mengesahkan status mereka sebagai penceroboh dan tindakan kerajaan tidak berniat jahat.

"Pelan pemutihan yang ditawarkan juga tidak ada unsur berat sebelah dan masih boleh dirunding dengan pihak terlibat," katanya kepada pemberita di perkarangan Kompleks Mahkamah Kuantan.

Pada 2020, pekebun terbabit memfailkan permohonan bagi mendapatkan kebenaran menyemak notis pengosongan tanah yang telah ditanam pokok durian musang king di sekitar Raub, termasuk Sungai Ruan, Sungai Chalit dan Sungai Klau yang dianggarkan seluas 2,167 hektar.

Sebanyak 186 pekebun memfailkan permohonan dengan menamakan Pentadbir Tanah Daerah Raub, Pengarah Perhutanan Pahang, pihak berkuasa negeri, kerajaan Pahang, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) dan Royal Pahang Durian Resources PKPP sebagai responden.

Selain menyemak arahan pengosongan tanah di bawah Kanun Tanah Negara dan Akta Perhutanan Negara 1984, mereka juga mahu mendapatkan kebenaran semakan kehakiman terhadap keputusan kerajaan negeri yang didakwa memberikan pajakan dan hak penggunaan tanah kebun tersebut kepada syarikat Royal Pahang Durian Resources PKPP.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2024 | THE SUN | NATIONAL | 4 |

# Over 50,000 bags of rice distributed nationwide

**KUALA LUMPUR:** A total of 519.36 metric tonnes or 51,936 bags of local white rice was distributed through the Special BPT Programme as a short-term initiative to overcome the issue of local white rice shortage in the market.

The Farmers' Organisation Authority (FOA), in a statement, said distribution of the rice was carried out through the association with potential state farmers organisations.

"The distribution involved 103 Farmers' Organisations (PP) through PP outlets such as Peladang Outlet, Agrobazar PP and Kedai Peladang."

The move by the Agriculture and Food Security Ministry was to address the issue of rice shortage in the market.

Last year, 2,101 metric tonnes or 210,000 bags of rice worth RM5,357,550 was distributed.

Meanwhile, the FOA said 34 Agro Madani Sale programmes have been completed as of yesterday, with total sales value of RM1,094,242, resulting in a cost-saving of RM136,741.

The FOA is targetting 78 programmes by year's end.

In 2023, 114 programmes were carried out generating sales of RM2,150,000 and cost savings amounting to RM470,000, involving the participation of 954 entrepreneurs with the number of visitors reaching 250,000. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2024 | THE STAR | NATION | 10 |


# Challenges faced in curbing illegal fishing

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

SABAH STATE ASSEMBLY

**KOTA KINABALU:** Despite complaints of the use of poison and other illegal tools to fish in rivers in the state, nobody has been arrested or prosecuted in the past few years, says Assistant Sabah Agriculture, Fisheries and Food Industry Minister Peto Galim.

"These offenders or suspects were cunning and would get rid of evidence very quickly once word of their activities got out," he said.

Galim was speaking during Question Time at the state assembly yesterday about the trouble that the authorities faced in trying to nab and prosecute culprits behind such illegal acts.

He said spearguns, electrocution and poisoning were among modes of fishing that were forbidden, and that it was the duty of local or community leaders such as village chiefs to monitor activities in their areas.

Offenders can be fined up to RM50,000 or jailed for a maximum of two years, or both, upon conviction, he added.

"Apart from civil laws, native laws in villages also allow village chiefs or local leaders to penalise offenders," he said.

On a supplementary question by Datuk Jonnybone Kurum (Gabungan Rakyat Sabah-Telupid) about alleged river poisoning in two districts between Labuk (Sandakan) and Telupid, Galim said the authorities were unaware of it.

"We have not received information on this. However, we will investigate and give a written report about it," the Inanam assemblyman (Pakatan Harapan) replied.

In response, Kurum said it was surprising that such a serious issue was not known as he had informed the Fisheries Department about the matter, which, he added, had been widely circulated on social media.

Earlier, the assembly heard that measures were in place to curb illegal fishing in Sabah rivers, which are also used as a source for bathing and cooking.

Galim said enforcement was being strengthened, dialogues and awareness campaigns were being held, while more Tagal (native conservation areas) were created.

There is currently a total of 628 Tagal involving 227 rivers being cared for by the natives in the state.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2024 | THE STAR | FEATURE | 10 |

# Teaching aquaculture skills to B40

## UPM programme helping participants generate income, learn IoT while breeding red tilapia



At UPM's fish breeding facility, Fadhil and his colleagues train programme participants to use smart technology to farm red tilapia that can number up to 1,000 fish per cage. — Photos: Bernama

WITH constant demand for the fast-growing red tilapia, the species has been chosen for a farming project by the People's Income Initiative-Agro Entrepreneur (IPR-Intan) programme at Universiti Putra Malaysia (UPM).

UPM Agriculture Faculty senior lecturer Dr Fadhil Syukri said that the first group of five IPR-Intan participants have been nurturing the fish in cages since December last year.

"They attended guidance classes in November and December.

"Once we confirmed that they had thorough understanding, we proceeded with practical training, which involved managing the fish in cages.

"We started by releasing juveniles measuring two to three inches each into the cages, with a total of 2,000 juveniles released into each cage," he told Bernama in an interview at the UPM Fish Breeding Centre in Serdang.

IPR-Intan's two-pronged strategy is to increase participants' income and to provide them exposure to smart agriculture based on the Internet of Things (IoT).

Fadhil, who has 15 years of experience in fish breeding, explained that each participant tends four cages.

He anticipated the fish – a farmed species that is resilient and easy to manage – to reach a weight of between 400g and 500g within three months.

"As the fish grow, we estimate that each participant will manage eight cages," said Fadhil.

"Ultimately, we aim to house 1,000 fish in one cage."

Currently, participants need to feed the fish three times a day.

However, UPM would soon introduce automatic feeder machines as a way of using smart agricultural methods.

"We want to encourage participants to incorporate IoT elements.

"With auto-feeders, fish will be fed according to suitability, such as every three or four hours.

"Consistent feeding will prevent hunger and promote growth," he said, adding that the feed comprises a blend of fish meal, fish powder, corn and soybeans.

In terms of market potential, Fadhil highlighted participants' promising income prospects as the tilapia would be sold for RM10 per kg.

"Considering that one cage can yield up to one tonne, we estimate that each cage could generate sales worth RM10,000."

On future plans, he revealed that new participants may venture into farming freshwater patin (a type of catfish) and barramundi in cages.

Fadhil explained that the IPR-Intan programme is open to the hardcore poor and B40 group who wish to increase their income through smart agriculture.

He said nine lecturers from the faculties of agriculture, engineering, veterinary medicine as well as business and economics were tasked with guiding participants.

"Admission is free. All participants will gain knowledge aimed at facilitating them to become successful farmers or breeders," he said.

On Feb 24 last year, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that the government had allocated RM750mil to the Economy Ministry, as part of the 2023 Budget, to implement the IPR-Intan programme.



Fadhil with an adult red tilapia that can grow to 500g and fetch RM10 per kg.



A juvenile red tilapia is one of thousands being bred in UPM as a way of creating income for the hardcore poor and B40 through skills building and smart aquaculture.

Participants are expected to earn between RM2,000 and RM2,500 per month during the 24-month monitoring period that began when the programme was launched last July by Economy Minister Rafizi Ramli.

The first batch of beneficiaries comprised 40% university graduates while the rest were from the IPR-Intan and E-Kasih programmes.

UPM vice-chancellor Prof Datuk Dr Mohd Roslan Sulaiman said the government had invested RM31.5mil for plant and fish farming infrastructure at the 26.30ha Agricultural Industry Excellence Centre in Puchong.